

24/06/2001

Dulu, sekarang dan mungkin selamanya

Razali Yahya

SEKALI air bah, sekali pantai berubah. Berdasarkan ungkapan ini dan setiap kali munculnya Pestabola Merdeka, peminat sukan bola sepak, tentu menanti dengan penuh debar bagaimana pencapaian pasukan kebangsaan dalam temasya edisi ke-37 yang dikatakan rancak berlangsung sekarang. Kalau kita hayati ungkapan itu, sudah tentulah kita semua mengharapkan perubahan paling manis akan dikecapi pasukan negara dalam kejohanan yang dianjurkan sendiri oleh Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) itu.

Begitupun, rakyat Malaysia sudah sekian lama, malah boleh dikatakan sudah terlalu letih menanti kebangkitan semula pasukan bola sepak Malaysia di persada antarabangsa. Namun, kegagalan demi kegagalan terus mewarnai pasukan negara dalam semua kejohanan yang disertai. Lebih menyayat hati kita semua rakyat Malaysia, pasukan negara yang sering pulang dengan tangan kosong tumpas kepada pasukan yang tidak sepatutnya kita tewas. Entah apa malang yang masih terpalit terhadap pasukan negara, sukar hendak dijelaskan. Gambaran atau igauan buruk yang terus menghantui pasukan bola sepak negara sebenarnya adalah acuan sendiri pegawai-pegawai yang mendokong FAM.

Mahu atau tidak mahu, mereka yang menganggotai persatuan elit itu harus menelan hakikat kepedihan setiap kali pasukan negara terus membuat langkah sumbang dalam sebarang kejohanan yang disertai. Kita tertanya-tanya, kenapa kegagalan demi kegagalan yang diharungi pasukan negara, seolah-olah tidak memberi apa-apa kesan kepada pendokong FAM.

Satu lagi perangai sebilangan pegawainya bukan mudah menerima kritikan malah mudah cepat melenting seolah-olah merekalah yang lebih mengetahui selok belok dunia bola sepak. Lihatlah baru-baru ini, seorang pegawai kanan FAM naik berang ketika wartawan mengajukan soalan selepas undian bola sepak Sukan Sea diadakan. Kenapa perlu melenting tidak tentu pasal? Jawablah dengan baik soalan yang dikemukakan wartawan. Kalau sekalipun tidak gemar dengan soalan yang diajukan, katakan "saya tidak perlu menjawab soalan anda." Inilah tindakan yang bijak. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sering diajukan pelbagai soalan yang boleh dikatakan lebih sensitif, tidak bertindak demikian. Sebaliknya beliau tetap menjawab tetapi pedas. Bukannya bercakap dengan nada marah dan meninggi. Biarlah kita berhempah dalam segala tindak tanduk. Perlakuan seumpama itu bukan sahaja mencerminkan keperibadian diri sendiri malah sebagai pegawai kanan FAM, dia jelas memberi imej yang kurang manis terhadap FAM. Masakan hal-hal seumpama inipun mahu kita tegur. Presiden Sultan Ahmad Shah dan Timbalan Presiden, Tengku Abdullah pun tidak pernah berbuat demikian. Ini benar sama sekali. Kita pernah mengemukakan soalan-soalan berat kepada Sultan Ahmad Shah dan Tengku Abdullah sekitar 80-an, baginda berdua tidaklah melenting macam pegawai tadi, sebaliknya tetap menjawab dengan baik walaupun kita tahu jauh di sudut hati, mereka mungkin tidak gemar dengan soalan demikian. Justeru, tindakan pegawai berkenaan seolah-olah 'lebih sudu daripada kuah'.

Kembali kepada kerancangan Pestabola Merdeka yang berlangsung sekarang, ramai peminat bola sepak tanah air mahukan dua pasukan negara - pasukan utama kebangsaan dan skuad Bawah 23 Tahun - dapat memberikan persembahan meyakinkan selepas pencapaian suram pasukan negara pada kejohanan-kejohanan sebelum ini. FAM kena terima hakikat bahawa semua rakyat Malaysia sudah terlalu lama menanti kebangkitan pasukan negara. Sekurang-kurangnya keputusan baik yang dicapai dalam kejohanan yang berlangsung di

gelanggang sendiri, akan memberi petanda ke arah kebangkitan yang kita nanti sejak sekian lama. Tidak usahlah kita kerap dimomokkan bahawa peluang pasukan negara agak sukar kerana pasukan-pasukan yang diundang berada pada kelas tinggi. Kalau inilah yang sering dinyanyikan pegawai-pegawai FAM, ia secara langsung akan memberi kesan kepada pemain-pemain yang berasa rendah diri. Sikap seumpama ini harus dihindarkan sekiranya kita mahu maju dalam sukan bola sepak. Rasa kerdil pemain negara terhadap pasukan yang diundang dalam Pestabola harus disingkirkan, sebaliknya barisan pemain yang dipilih menyanggah jersi kebangsaan lebih bersemangat menandingi kehebatan pasukan lawan itu. Kalau sebelum lawan, pegawai-pegawai sendiri kurang yakin dan menyifatkan kejohanan ini sebagai sebahagian kancan pendedahan, selagi itulah pasukan negara akan terus terumbang-ambing. Nampaknya, pasukan negara sudah tewas sebelum bertanding.

Melihat kepada persembahan pasukan negara baik secara langsung di Stadium Shah Alam atau melalui siaran tertunda di televisyen sejurus perlawanan pasukan utama negara dan skuad Bawah 23 Tahun berakhir, secara rambangnyanya ramai peminat masih tertanya-tanya berhubung dengan keupayaan sebenar pasukan negara dalam temasya kali ini. Kita enggan mengulas keupayaan pasukan kebangsaan kerana peminat bola sepak sendiri boleh melihatnya sebagaimana yang terpapar baik mereka datang ke stadium mahupun yang menonton televisyen. Rumusannya dua pasukan negara - skuad bimbingan Norizan dan skuad bimbingan Allan Harris - masih banyak yang perlu dibaiki untuk benar-benar berada di ambang kebangkitan sebenar. Nanti, kalau ramai berpendapat permainan pasukan negara macam skuad Bawah 18, ada pegawai FAM yang melenting. Sebenarnya, kita tidak usah menipu diri sendiri. Lihatlah sendiri bagaimana mereka bermain sebagaimana yang disiarkan di televisyen.

Tengku Abdullah sendiri dalam komen bernada kecewa selepas pasukan utama negara tumpas 2-4 kepada Bahrain dalam perlawanan sulung di Stadium Shah Alam turut tidak puas hati. Baginya, kecergasan pemain sekadar bertahan 60 minit. Selepas itu skuad negara tidak berdaya menahan asakan balas Bahrain kerana kepenatan. Memang hairan. Macam mana pemain kebangsaan tidak cukup stamina kerana hampir keseluruhan terbabit dengan Liga Malaysia yang dijadual akan disambung semula sebaik berakhirnya temasya Pestabola Merdeka. Dalam perlawanan itu, skuad bimbingan Norizan Bakar sebenarnya mampu meraih kemenangan apabila mendahului 2-1 menerusi Abd Ghani Malik dan Gilbert Cassidy Gawing.

Bagaimanapun, kerana kurang stamina, pasukan negara tewas dengan jaringan hatrik pemain gantian, Hussain Ali Ahmed dalam 30 minit terakhir. Mengatakan pemain negara kurang cergas, kita memang tidak dapat menerima alasan itu. Sebelum dipanggil menjalani latihan pusat, pemain-pemain berkenaan terbabit secara langsung dengan pasukan negeri masing-masing dalam kancan Liga Perdana. Kalau mereka tidak cergas, bagaimana mereka boleh dipilih menyanggah jersi kebangsaan untuk bersaing dengan pasukan-pasukan terbaik yang diundang dalam Pestabola Merdeka. Kalau mereka tidak cergas, sudah semesti ia dapat dikesan oleh jurulatih ketika latihan pusat dijalankan. Jurulatih, baik Norizan mahupun Harris sudah pasti akan bertindak cepat dan pantas untuk memastikan pemain yang dibimbing mereka berada pada tahap kecergasan maksimum. Jadi, siapa yang harus dipertanggungjawabkan dalam hal ini? Tengku Abdullah kenalah tanya Harris atau Norizan bagaimana pemain hanya mampu bertahan 60 minit dan bukan 90 minit perlawanan atau lebih. Ini kerana dalam tahap persaingan seperti Pestabola, skuad negara patut memiliki kecergasan 110 peratus terutama dalam menyaingi lawan yang berkemahiran tinggi.

Lebih daripada itu, beberapa pemain negara bermain di luar kemampuan mereka, kurang konsisten dan tidak menyerlah. Skuad negara sepatutnya menampilkan tahap kecergasan yang tinggi apatah lagi berdepan dengan

Bahrain yang terbukti berada dalam kelas lebih tinggi kerana mampu mara ke pusingan kedua kelayakan Piala Dunia. Sebenarnya, pemain Bahrain adalah sama sahaja dengan pemain kita. Jika barisan skuad negara memiliki kecergasan yang tinggi serta mempunyai semangat perjuangan kental, kita percaya mereka boleh membuat kejutan bukan saja Bahrain, malah mungkin yang lebih baik daripada. Begitupun, jika barisan pemain memilih kecergasan sahaja tetapi tidak diiringi dengan semangat juang kental, itupun satu lagi bala. Sebenarnya, banyak pelajaran dan pengajaran boleh kita jadikan iktibar untuk terus membentuk pasukan mantap selepas ini. Ini tidak, selepas kejohanan berakhir, semuanya turut berakhir tanpa usaha-usaha kesinambungan dilakukan untuk mengatasi kekurangan pasukan kebangsaan itu.

Sebenarnya, persiapan singkat pasukan kebangsaan juga antara faktor kelemahan pasukan negara. Dalam menghadapi satu-satu kejohanan, pasukan kebangsaan hanya dikumpul dalam masa yang singkat, selebihnya mereka ditumpukan kepada pasukan negeri. Untuk membentuk sebuah pasukan yang benar-benar mantap, FAM yang sudah mengenal pasti barisan pemain yang baik perlu meletakkan mereka dalam satu jangkamasa yang panjang menjalani latihan pusat ke arah mewujudkan keserasian atau kesefahaman pasukan yang jitu. Kalau persiapan sekadar dibuat secara main tangkap muat, masakan kita boleh mengharap keputusan yang baik. Persiapan yang dibuat secara ala kadar, maka keputusannya juga ala kadar.

Seperkara lagi, ramai pihak kini memuji skuad Bawah 23 Tahun sehingga Allan Harris sendiri membayangkan skuad remaja kebangsaan ini adalah 'skuad masa depan'. Malah, keupayaan mereka kini dilaporkan menandingi kehebatan skuad utama kebangsaan yang bertanding dalam Pestabola Merdeka. Syabas kita ucapkan kepada FAM berikutan kebangkitan skuad remaja itu. Soalnya kita mahu tanya FAM bagaimana mereka mahu lakukan untuk memastikan skuad Bawah 23 Tahun itu benar-benar menjadi skuad masa depan. Ini kerana pengalaman lalu FAM terbukti mengecewakan. Lihatlah 'skuad Harimau' yang dibentuk sekitar 80-an yang dibimbing pemain terbilang England, Kevin Keegan. Nampaknya skuad Harimau kebangsaan itu sebenarnya 'tiada taring' kerana tidak dapat bertahan lama dan berkubur tanpa ada nesannya. Inilah yang kita bimbang jika skuad Bawah 23 Tahun mungkin menerima nasib yang sama. Jika FAM tidak bersungguh-sungguh dalam hal ini, kita percaya skuad ini juga mungkin mengikut jejak skuad Harimau yang lalu. Kita tunggu dan lihat...

(END)